Kumpulan menilai semula hartanahnya yang meliputi tanah dan bangunan setiap 5 tahun dan pada tempoh masa yang lebih pendek apabila nilai saksama aset yang dinilai itu dijangka berbeza dengan ketara daripada nilai bawanya. Lebihan yang timbul daripada penilaian semula diuruskan dalam akaun rizab penilaian.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung disebabkan oleh pembelian aset dan lain-lain kos yang secara langsung timbul semasa menjalani proses supaya aset itu boleh digunakan seperti yang diharapkan, dan kos membuka dan memindahkan aset tersebut dan memulihkan tempat di mana aset itu berada. Perisian yang diperlukan supaya alat berkaitan dapat berfungsi dimodalkan sebagai sebahagian daripada alat tersebut.

Apabila sebahagian besar hartanah, loji dan peralatan mempunyai usia berguna yang berlainan, ia dianggap barang berasingan (komponen utama) bagi hartanah, loji dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian berikutan penjualan hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan perolehan dari penjualan dengan jumlah bawaan hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf secara bersih dalam 'pendapatan operasi lain' atau 'perbelanjaan operasi lain' masing-masing dalam penyata pendapatan. Apabila aset dinilai semula dijual, jumlah yang di masukkan ke dalam rizab lebihan penilaian semula dipindahkan ke pendapatan tertahan.

**2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**(c) Hartanah, loji dan peralatan (samb.)**

**(ii) Kos seterusnya**

Kos menggantikan bahagian-bahagian pada hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam jumlah bawaan barang tersebut jika terdapat kemungkinan yang manfaat ekonomi masa depan di dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kosnya boleh dikira dengan pasti. Nilai buku bersih untuk bahagian yang diganti itu dimasukkan ke dalam penyata kewangan apabila bahagian yang diganti itu dimodalkan. Kos harian penyelenggaraan hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

**(iii) Susut nilai**

Susut nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah garis lurus terhadap anggaran tempoh usia berguna setiap hartanah, loji dan peralatan. Aset yang dipajak dilunaskan mengikut mana yang lebih pendek di antara terma pajakan dan tempoh usia berguna mereka. Tanah milik bebas tidak dilunaskan.

Anggaran usia berguna untuk tempoh semasa dan tempoh berbanding adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| • bangunan | 25 - 50 tahun |
| • kenderaan bermotor | 5 tahun |
| • mesin dan peralatan | 5 tahun |
| • perabut dan pemasangan | 5 tahun |

Kaedah susut nilai, usia berguna dan nilai sisa ditaksir pada tarikh lembaran imbangan.

**(d) Aset pajakan**

**Pajakan operasi**

Pajakan di mana Kumpulan menanggung semua risiko dan ganjaran hak milik dianggap pajakan kewangan. Lain-lain pajakan adalah pajakan operasi dan, selain dari kepentingan hartanah dipegang di bawah pajakan operasi, aset pajakan itu tidak diiktiraf dalam lembaran imbangan Kumpulan. Kepentingan hartanah dipegang di bawah pajakan operasi, yang dipegang untuk mendapat pendapatan sewa atau untuk penambahan nilai modal atau kedua-duanya, diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan.

Tanah pegangan pajak yang selalunya mempunyai usia ekonomi dan hak milik tak tentu dan dijangka tidak akan diserahkan kepada pemajak pada akhir terma pajakan dianggap sebagai pajakan operasi. Pembayaran yang dibuat apabila mengambilalih tanah pegangan pajak dikira sebagai pembayaran pajakan prabayar.

Tanah pajakan tertentu telah dinilai semula pada bulan Disember 2005 dan Kumpulan telah mengekalkan jumlah penilaian semula yang belum dilunaskan sebagai jumlah bawaan tumpang untuk pembayaran pajakan prabayar bertepatan dengan peruntukan peralihan dalam FRS 117.67A apabila ia mula menggunakan FRS 117, *Leases* dalam tahun 2006.

Pembayaran yang dibuat di bawab pajakan operasi diiktiraf dalam penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan atas terma pajakan. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf sebagai bahagian penting dalam jumlah perbelanjaan pajakan, berdasarkan atas terma pajakan.

**2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**(e) Hartanah pelaburan**

**(i) Hartanah pelaburan dibawa pada kos**

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki untuk memperolehi pendapatan sewa atau penambahan nilai modal atau kedua-duanya. Ini termasuk tanah (selain daripada tanah pajakan) yang dipegang untuk kegunaan masa depan. Hartanah yang diduduki oleh syarikat-syarikat Kumpulan dikira sebagai diduduki oleh pemilik dan bukan sebagai hartanah pelaburan.

Hartanah pelaburan dinyatakan dalam kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosakan terkumpul, konsisten dengan polisi perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam nota polisi perakaunan nota 2(c).

Susut nilai dicaj dalam penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus terhadap anggaran usia berguna iaitu 50 tahun untuk bangunan. Tanah pajakan bebas tidak dikira susut nilainya.

**(ii) Pengklasifikasi semula kepada/dari hartanah pelaburan**

Apabila hartanah, loji dan peralatan ditukar kepada hartanah pelaburan berikutan pertukaran dalam kegunaannya, ianya akan terus dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosakan terkumpul di bawah kos model.

Hartanah pelaburan yang ditukar kepada kos pembangunan hartanah berikutan pertukaran dalam kegunaannya menggunakan polisi perakaunan untuk kos pembangunan hartanah seperti yang dicatatkan dalam nota polisi perakaunan 2(m).

**(iii) Penentuan nilai saksama**

Pengarah menganggarkan nilai saksama hartanah pelaburan Kumpulan tanpa penglibatan penilai bebas.

Nilai-nilai saksama adalah berdasarkan nilai pasaran, di mana nilai anggaran bagi hartanah boleh ditukar pada tarikh penilaian di antara pembeli dan penjual dalam urusniaga selengan selepas pemasaran yang benar di mana pihak-pihak telah bertindak dengan benar, bijak dan tanpa paksaan.

Anggaran penting yang diambil dalam menentukan nilai saksama hartanah pelaburan dinyatakan dalam nota 6.

**(f) Muhibah**

Muhibah timbul semasa penggabungan perniagaan dan dinilai pada kos tolak kerugian kerosakan terkumpul.

Untuk pengambilalihan sebelum 1 Januari 2006, muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bagi aset dan liabiliti bersih yang boleh dikenalpasti.

Dengan penggunaan FRS 3 bermula daripada 1 Januari 2006, muhibah mewakili lebihan kos pengambilan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih bagi aset, liabiliti dan liabiliti kontingen pengambilalih yang boleh dikenalpasti.

Sebarang lebihan dalam kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih bagi aset, liabiliti dan liabiliti kontingen pengambilalih yang boleh dikenalpasti di atas kos pengambilan diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan.

Muhibah diuji sama ada terdapat kerosakan setahun sekali atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan menunjukkan mungkin terdapat kerosakan.

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (g) Pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti

Pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kos urusniaga yang timbul.

Pengiktirafan kemudiannya:

- Pelaburan dalam sekuriti ekuiti bukan semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari dicatat pada kos tolak peruntukan untuk kesusutan dalam nilai,
- Pelaburan dalam sekuriti hutang bukan semasa dicatat pada kos pelunasan menggunakan kaedah bunga berkesan tolak peruntukan untuk kesusutan dalam nilai,
- Semua pelaburan semasa dibawa pada kos yang rendah dan nilai pasaran, ditetapkan pada portfolio agregat atau kadar pelaburan individu oleh kategori pelaburan.

Sekiranya para Pengarah berpendapat bahawa terdapat pengurangan, selain daripada nilai sekuriti ekuiti bukan semasa dan sekuriti hutang bukan semasa yang bersifat sementara, selain daripada pelaburan dalam subsidiari, peruntukan untuk kesusutan dalam nilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana pengurangan itu dikenalpasti.

Semasa pelaburan dijual, perbezaan di antara perolehan jualan bersih dan jumlah bawaannya diiktiraf dalam penyata kewangan.

Semua pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti diambilkira dengan menggunakan perakaunan tarikh langsai. Perakaunan tarikh langsai merujuk kepada:

(i) pengiktirafan aset pada hari ianya diterima oleh entiti, dan

(ii) ketidakpengiktirafan aset dan pengiktirafan sebarang perolehan atau kerugian daripada jualan pada tarikh ianya dihantar.

### (h) Inventori

Hartanah yang sedia untuk dijual dikira pada harga lebih rendah dan nilai boleh realis bersih. Kos terdiri daripada kos berkaitan dengan pengambilalihan tanah, kos langsung dan pembahagian sesuai untuk kos bersama disebabkan membangunkan hartanah sehingga selesai.

### (i) Penerimaan

Penerimaan pada awalnya diiktiraf pada kos apabila hak kontraktual untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain ditentukan.

Selepas pengiktirafan awal ini, penerimaan dicatatkan pada kos tolak peruntukan untuk harta ragu.

Penerimaan tidak dipegang untuk tujuan perdagangan.

### (j) Pembinaan dalam progres

Kerja pembinaan dalam progres mewakili jumlah belum dikenakan bayaran kasar yang dijangka diterima daripada pelanggan di atas kerja kontrak yang dilakukan pada tarikh. Ianya diukur pada kos tambah keuntungan yang diiktiraf pada tarikh tolak bil progres dan kerugian yang diiktiraf. Kos termasuk semua perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan projek khusus dan peruntukan overhead tetap dan berubah yang dihasilkan dalam aktiviti kontrak Kumpulan berdasarkan kapasiti operasi normal.

Kerja pembinaan dalam progres dicatatkan sebagai sebahagian daripada penerimaan, deposit dan prabayaran dalam lembaran imbangan. Sekiranya bayaran diterima daripada pelanggan melebihi pendapatan diiktiraf, perbezaan jumlah tersebut disampaikan sebagai pembayaran dan akruan dalam lembaran imbangan.

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (k) Pembayaran

Pembayaran diukur pada awal dan kemudiannya pada kos. Pembayaran diiktiraf apabila terdapat obligasi kontraktual untuk memberi tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain.

### (l) Tanah untuk pembangunan hartanah

Tanah untuk pembangunan hartanah meliputi tanah atau sebahagian daripadanya yang tidak digunakan dalam aktiviti pembangunan, atau pembangunan aktiviti yang tidak dijangka boleh siap dalam jangka masa 2 hingga 3 tahun, menurut kitaran operasi Kumpulan. Tanah tersebut diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa dan kos permulaan ditolak kerugian kemerosotan terkumpul.

Tanah untuk pembangunan diklasifikasikan sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan bermula dan menunjukkan bahawa aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam masa 2 hingga 3 tahun menurut kitaran operasi Kumpulan.

Kos berkaitan dengan pembelian tanah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisyen, yuran pertukaran dan levi-levi lain. Sekiranya Kumpulan telah merekodkan nilai tanah pada nilai penilaian, nilai ini akan terus digunakan sebagai kos tumpang seperti yang dibenarkan oleh FRS 201.

### (m) Kos pembangunan hartanah

Kos pembangunan hartanah termasuk kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang mana boleh diperuntukan dengan cara yang munasabah kepada aktiviti-aktiviti tersebut.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan, diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos atau nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah.

Lebihan hasil jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas bil kepada pembeli-pembeli ditunjukkan sebagai bil terakru yang tergolong dalam penerimaan, deposit dan prabayaran manakala lebihan bil kepada pembeli-pembeli atas hasil jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai bil progres tergolong dalam pembayaran dan akruan.

### (n) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan bank. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dicatatkan setelah ditolak overdraf bank dan deposit yang dicagarkan.

### (o) Kemerosotan aset

Nilai dibawa aset, selain daripada aset kewangan, inventori, aset cukai tertunda dan aset daripada kontrak pembinaan, dikaji semula pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda kemerosotan. Sekiranya wujud tanda-tanda tersebut, jumlah aset yang boleh diperolehi semula dianggarkan. Untuk muhibah, jumlah boleh diperolehi semua dianggarkan pada setiap tarikh laporan.

Nilai boleh diperolehi sesuatu aset atau unit menjana tunai adalah lebih besar dalam nilai digunakan dan nilai saksama tolak kos untuk dijual. Dalam membuat penilaian terhadap nilai yang digunakan, anggaran aliran tunai masa depan adalah selepas diskaun pada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa untuk nilai masa wang dan risiko khusus untuk aset. Untuk menguji kemerosotan, aset dikumpulkan dalam kumpulan aset terkecil yang menghasilkan aliran masuk tunai dari penggunaannya yang berterusan, yang tidak bergantung pada aliran masuk tunai aset lain atau kumpulan aset lain ('unit menjana tunai'). Muhibah yang diperolehi dalam penggabungan perniagaan, untuk tujuan ujian kemerosotan, diperuntukan unit menjana tunai yang dijangka akan mendapat manfaat dari penggabungan tersebut.

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (o) Kemerosotan aset (samb.)

Kerugian kemerosotan diiktiraf sekiranya jumlah bawaan aset atau unit menjana tunainya melebihi nilai diperolehi semula. Kerugian kemerosotan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian kemerosotan diiktiraf sekiranya unit menjana tunai diperuntukan pada awalnya untuk mengurangkan jumlah bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit tersebut dan kemudian untuk mengurangkan jumlah bawaan lain-lain aset dalam unit (kumpulan unit) pada dasar pro rata.

Kerugian kemerosotan berhubung dengan muhibah tidak dibalikkan. Berhubung dengan aset lain, kerugian kemerosotan diiktiraf sebelum tempoh penilaian pada setiap tarikh laporan untuk memastikan samada kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian kemerosotan dibalikkan sekiranya terdapat perubahan pada anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi. Kerugian kemerosotan dibalikkan hanya sekiranya jumlah bawaan aset tidak melebihi jumlah bawaan yang akan ditentukan, tolak susut nilai atau pelunasan, sekiranya jika tiada kerugian kemerosotan diiktiraf. Pembalikan untuk kerugian kemerosotan dikreditkan ke dalam penyata pendapatan pada tahun pembalikan itu diiktiraf.

### (p) Perbelanjaan cukai

Perbelanjaan cukai merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ianya berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktiraf secara langsung ke dalam ekuiti, dalam kes ini ianya diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah cukai perlu dibayar yang dijangka akan dikenakan ke atas pendapatan bercukai bagi tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau yang telah digubal dengan ketara pada tarikh lembaran imbangan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar berhubung dengan tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah lembaran imbangan, mengambilkira perbezaan sementara di antara jumlah bawaan aset dan liabiliti untuk tujuan laporan dan jumlah digunakan untuk tujuan percukaian. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara yang berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal untuk aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan gabungan perniagaan dan tidak memberi kesan pada perakaunan atau keuntungan bercukai (kerugian cukai). Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila dibalikkan, berdasarkan pada undang-undang yang telah digubal atau yang telah digubal dengan ketara pada tarikh lembaran imbangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang dikenakan cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap ianya berkemungkinan bahawa keuntungan bercukai pada masa hadapan akan tersedia ada di mana perbezaan sementara itu boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan pada tahap ianya tidak lagi berkemungkinan memberi manfaat cukai sekiranya ia direalisasikan.

### (q) Pinjaman dan peminjaman

Pinjaman dan peminjaman dicatatkan pada kos pelunasan dengan sebarang perbezaan di antara kos dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan di atas tempoh pinjaman dan peminjaman itu menggunakan kaedah faedah berkesan.

**2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**(r) Ganjaran pekerja**

**(i) Ganjaran pekerja jangka pendek**

Ganjaran pekerja jangka pendek iaitu gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit berbayar dikira pada dasar tidak terdiskaun dan dibelanjakan apabila perkara itu diberikan.

Peruntukan diiktiraf untuk jumlah yang dijangka akan dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau pelan perkongsian-keuntungan jika Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar jumlah ini disebabkan oleh perkhidmatan yang diberikan sebelumnya oleh pekerja dan obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Sumbangan Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") dicaj dalam penyata pendapatan bagi tahun berkaitan. Apabila sumbangan telah dibayar, Kumpulan tidak lagi mempunyai sebarang obligasi pembayaran.

**(ii) Urusniaga pembayaran berdasarkan saham**

Program saham opsyen membolehkan pekerja Kumpulan memiliki saham Syarikat. Sebelum penggunaan FRS 2, Share-based Payment, opsyen saham diberikan kepada pekerja tidak diiktiraf sebagai kos pekerja. Berikutan dengan penggunaan FRS 2, Share-based Payment, nilai saksama tarikh pemberian kepada pekerja diiktiraf sebagai perbelanjaan pekerja, dengan peningkatan sepadan dalam ekuiti, di atas tempoh di mana pekerja mempunyai hak yang tidak bersyarat terhadap opsyen. Pertukaran dalam polisi perakaunan digunakan ke belakang, hanya untuk opsyen saham yang diberikan selepas 31 Disember 2004 dan belum terletak hak pada 1 Januari 2006 seperti yang dicatatkan dalam peruntukan peralihan dalam FRS 2. Oleh kerana tiada opsyen saham yang diberikan kepada pekerja selepas tempoh peralihan, jadi tiada pengiktirafan untuk perbelanjaan dibuat.

**(s) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf sekiranya, akibat daripada peristiwa yang lalu, Kumpulan memiliki obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif yang boleh dianggarkan dengan pasti, dan kemungkinan aliran manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu. Peruntukan ditentukan dengan mengambil kira diskaun aliran tunai masa depan ke atas jangkaan pada kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa pada nilai wang dan risiko khusus pada liabiliti.

**Liabiliti kontingen**

Sekiranya tidak berkemungkinan yang aliran keluar manfaat ekonomi diperlukan, atau jumlah tidak boleh dianggarkan dengan pasti, obligasi dinyatakan sebagai liabiliti kontingen, melainkan jika kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi tidak dapat dijangkakan. Obligasi yang mungkin, yang kewujudannya hanya akan dipastikan oleh satu atau lebih kejadian di masa depan atau tidak berlakunya kejadian juga dicatatkan sebagai liabiliti kontingen melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi tidak dapat dijangkakan.

Sekiranya Syarikat menandatangani perjanjian jaminan kewangan untuk menjamin keberhutangan syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan, Syarikat menganggap ini sebagai perencanaan insuran, dan mencatatnya sebegitu juga. Dalam hubungan ini, Syarikat menganggap perjanjian jaminan sebagai liabiliti kontingen sehingga tiba masanya ianya menjadi berkemungkinan yang Syarikat dikehendaki membuat pembayaran di bawah jaminan tersebut.

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (t) Pengiktirafan hasil

#### (i) Kontrak pembinaan

Apabila hasil daripada kontrak pembinaan dapat dianggarkan dengan tepat, hasil dan perbelanjaan kontrak diiktiraf dalam penyata pendapatan mengikut kadar tahap penyempurnaan kontrak itu. Hasil kontrak termasuk jumlah awal yang dipersetujui dalam kontrak dan sebarang kelainan dalam kerja-kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif setakat adanya kemungkinan yang mereka akan menghasilkan hasil yang boleh diukur dengan pasti.

Tahap penyempurnaan dinilai mengikut rujukan mengikut kadar kos pembinaan yang timbul untuk kerja yang dilakukan pada tarikh untuk jumlah kos pembinaan yang dianggarkan. Apabila kontrak pembinaan itu tidak dapat dianggar dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf hanya pada tahap kos kontrak itu timbul dan berkemungkinan diperolehi semula. Kerugian yang dijangka pada kontrak diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

#### (ii) Pembangunan hartanah

Hasil daripada aktiviti pembangunan hartanah diiktiraf berdasarkan pada tahap penyempurnaan diukur mengikut rujukan pada kadar kos pembangunan hartanah itu timbul untuk kerja yang dilaksanakan pada tarikh untuk jumlah kos pembangunan hartanah yang dianggarkan.

Sekiranya keputusan kewangan yang timbul akibat pembangunan hartanah tidak boleh dianggar dengan tepat, pendapatan pembangunan hartanah boleh diiktiraf hanya ke tahap kos pembangunan hartanah berlaku yang mungkin boleh dipulihkan, dan kos pembangunan hartanah ke atas unit pembangunan yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa yang mana ianya berlaku.

Sebarang kerugian yang dijangka dalam projek pembangunan, termasuk kos yang dipergunakan dalam tempoh liabiliti kecacatan, akan diiktiraf dengan serta-merta dalam penyata pendapatan.

#### (iii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran ditentukan.

#### (iv) Pendapatan yuran pengurusan

Pendapatan yuran pengurusan diiktiraf mengikut asas akruan.

### (u) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa daripada pelaburan hartanah diiktiraf dalam penyata pendapatan mengikut asas garis lurus di atas terma pajakan. Insentif pajakan yang diberikan diiktiraf sebagai bahagian penting dalam jumlah pendapatan sewa, di atas terma pajakan.

### (v) Pendapatan faedah dan kos pinjaman

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ianya terakru dengan menggunakan kaedah bunga berkesan.

Semua kos pinjaman diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah bunga berkesan, dalam tempoh mereka berlaku

### (w) Perolehan sesaham

Kumpulan membentangkan data perolehan sesaham (EPS) yang asas dan dicairkan untuk saham biasanya. Asas EPS dikira dengan membahagi keuntungan atau kerugian disebabkan pemegang saham biasa Syarikat pada jumlah purata berwajaran bagi saham biasa yang terdapat sepanjang tempoh itu. EPS tercair ditentukan dengan menyelaraskan keuntungan atau kerugian disebabkan pemegang saham biasa dan jumlah purata berwajaran bagi saham biasa yang terdapat untuk semua saham biasa yang mempunyai potensi untuk dicairkan, yang merangkumi opsyen saham diberikan kepada pekerja.

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (x) Laporan segmen

Segmen adalah komponen Kumpulan yang boleh dibezakan yang terlibat sama ada dalam memberikan produk atau perkhidmatan (segmen perniagaan), atau dalam memberikaan produk atau perkhidmatan di dalam persekitaran ekonomi tertentu (segmen geografi), yang tertakluk pada risiko dan ganjaran yang berbeza di antara segmen-segmen.

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| Kumpulan | Bangunan milik bebas RM'000 | Tanah milik bebas RM'000 | Bangunan pajakan jangka panjang RM'000 | Kenderaan bermotor RM'000 | Peralatan tapak RM'000 | Loji dan jentera RM'000 | Peralatan pejabat RM'000 | Perabot dan keleng-kapan RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos/Penilaian** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2006 | 1,402 | 3,169 | 2,380 | 3,906 | 627 | 8,928 | 991 | 223 | 21,626 |
| Tambahan | - | - | - | 291 | 10 | 759 | 61 | 14 | 1,135 |
| Jualan | - | - | - | (271) | - | - | - | - | (271) |
| Kesan pergerakan dalam kadar pertukaran | - | - | - | (43) | (7) | (154) | (10) | (5) | (219) |
| Pada 31 Disember 2006/ 1 Januari 2007 | 1,402 | 3,169 | 2,380 | 3,883 | 630 | 9,533 | 1,042 | 232 | 22,271 |
| Tambahan | - | - | - | - | - | - | 34 | 10 | 44 |
| Jualan | - | - | - | (598) | - | (665) | (24) | (7) | (1,294) |
| Hapus kira | - | - | - | - | (89) | (297) | (146) | - | (532) |
| Jualan subsidiari | - | - | - | - | - | (266) | - | - | (266) |
| Pertukaran ke pelaburan hartanah | (930) | (1,741) | (2,380) | - | - | - | - | - | (5,051) |
| Kesan pergerakan dalam kadar pertukaran | - | - | - | (39) | (6) | (61) | (9) | (4) | (119) |
| Pada 31 Disember 2007 | **472** | **1,428** | **-** | **3,246** | **535** | **8,244** | **897** | **231** | **15,053** |
| **Mewaikili perkara pada:** | | | | | | | | | |
| Kos | - | - | - | 3,246 | 535 | 8,244 | 897 | 231 | 13,153 |
| Penilaian - 2005 | 472 | 1,428 | - | - | - | - | - | - | 1,900 |
| Pada 31 Disember 2007 | **472** | **1,428** | **-** | **3,246** | **535** | **8,244** | **897** | **231** | **15,053** |
| **Susut nilai** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2006 | - | - | - | 2,896 | 608 | 8,441 | 812 | 198 | 12,955 |
| Caj tahunan | 56 | - | 52 | 451 | 16 | 345 | 85 | 13 | 1,018 |
| Jualan | - | - | - | (271) | - | - | - | - | (271) |
| Kesan pergerakan dalam kadar pertukaran | - | - | - | (27) | (7) | (142) | (9) | (4) | (189) |
| Pada 31 Disember 2006/ 1 Januari 2007 | 56 | - | 52 | 3,049 | 617 | 8,644 | 888 | 207 | 13,513 |
| Caj tahunan | 19 | - | - | 315 | 4 | 301 | 65 | 12 | 716 |
| Jualan | - | - | - | (459) | - | (665) | (22) | (5) | (1,151) |
| Hapus kira | - | - | - | - | (88) | (297) | (145) | - | (530) |
| Jualan subsidiari | - | - | - | - | - | (253) | - | - | (253) |
| Pertukaran ke pelaburan hartanah | (37) | - | (52) | - | - | - | - | - | (89) |
| Kesan pergerakan dalam kadar pertukaran | - | - | - | (28) | (6) | (57) | (8) | (4) | (103) |
| Pada 31 Disember 2007 | **38** | **-** | **-** | **2,877** | **527** | **7,673** | **778** | **210** | **12,103** |
| **Jumlah bawaan** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2006 | 1,402 | 3,169 | 2,380 | 1,010 | 19 | 487 | 179 | 25 | 8,671 |
| Pada 31 Disember 2006 | 1,346 | 3,169 | 2,328 | 834 | 13 | 889 | 154 | 25 | 8,758 |
| Pada 31 Disember 2007 | **434** | **1,428** | **-** | **369** | **8** | **571** | **119** | **21** | **2,950** |

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

| Syarikat | Peralatan pejabat RM'000 |
|---|---|
| **Kos** | |
| Pada 1 Januari 2006/31 Disember 2006/31 Disember 2007 | 1 |
| **Susut nilai** | |
| Pada 1 Januari 2006/31 Disember 2006/31 Disember 2007 | 1 |
| **Jumlah bawaan** | |
| Pada 1 Januari 2006/31 Disember 2006/31 Disember 2007 | - |

**Hartanah, loji dan peralatan di bawah model penilaian semula**

Tanah dan bangunan milik bebas Kumpulan dinilai semula pada 31 Disember 2005 oleh penilai berdaftar menggunakan kaedah perbandingan.

Sekiranya tanah dan bangunan milik bebas tersebut dinyatakan pada kos model, jumlah bawaan adalah seperti berikut:

| Kumpulan | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
|---|---|---|
| Tanah milik bebas | **490** | 490 |
| Bangunan milik bebas | **116** | 121 |
| | **606** | 611 |

## 4. PEMBAYARAN PAJAKAN PRABAYAR

| Kumpulan<br>Faedah prabayar untuk tanah pajakan | Tanah pajakan yang tempoh luputnya lebih daripada 50 tahun<br>2007 RM'000 | <br>2006 RM'000 |
|---|---|---|
| **Penilaian** | | |
| Pada 1 Januari/31 Disember | **3,220** | 3,220 |
| **Pelunasan** | | |
| Pada 1 Januari | **44** | - |
| Pelunasan tahunan | **44** | 44 |
| Pada 31 Disember | **88** | 44 |
| **Jumlah bawaan** | | |
| Pada 31 Disember | **3,132** | 3,176 |

## 4. PEMBAYARAN PAJAKAN PRABAYAR (samb.)

**Pembayaran pajakan prabayar di bawah model penilaian semula**

Tanah pajakan jangka panjang Kumpulan dinilai semula pada 31 Disember 2005 oleh penilai berdaftar menggunakan kaedah perbandingan.

Sekiranya tanah pajakan tersebut dinyatakan pada kos model, jumlah bawaan adalah RM1,925,000 (2006 - RM1,952,000).

## 5. TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN HARTANAH

| Kumpulan | 2007<br>RM'000 | 2006<br>RM'000 |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| Pada 1 Januari | **7,323** | 7,323 |
| Pembaikan | **47** | 24 |
| Pada 31 Disember | **7,370** | 7,347 |

## 6. HARTANAH PELABURAN

| Kumpulan | Tanah milik bebas<br>RM'000 | Bangunan<br>RM'000 | Jumlah<br>RM'000 |
|---|---|---|---|
| **Kos** | | | |
| Pada 1 Januari 2006 | - | 9,028 | 9,028 |
| Pembaikan | - | 149 | 149 |
| Pada 31 Disember 2006/1 Januari 2007 | - | 9,177 | 9,177 |
| Pengambilalihan | 15,956 | - | 15,956 |
| Pembaikan | - | 1,660 | 1,660 |
| Pertukaran dari hartanah, loji dan peralatan | 1,741 | 3,310 | 5,051 |
| Pertukaran kepada kos pembangunan hartanah | - | (10,837) | (10,837) |
| Pada 31 Disember 2007 | **17,697** | **3,310** | **21,007** |
| **Susut nilai** | | | |
| Pada 1 Januari 2006/31 Disember 2006/1 Januari 2007 | - | - | - |
| Pertukaran dari hartanah, loji dan peralatan | - | 89 | 89 |
| Susut nilai bagi tahun | - | 89 | 89 |
| Pada 31 Disember 2007 | **-** | **178** | **178** |
| **Jumlah bawaan** | | | |
| Pada 1 Januari 2006 | - | 9,028 | 9,028 |
| Pada 31 Disember 2006 | - | 9,177 | 9,177 |
| Pada 31 Disember 2007 | **17,697** | **3,132** | **20,829** |

## 6. HARTANAH PELABURAN (samb.)

| Kumpulan | Tanah milik bebas RM'000 | Bangunan RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|
| **Nilai saksama** | | | |
| Pada 1 Januari 2006 | - | 9,028 | 9,028 |
| Pada 31 Disember 2006 | - | 9,177 | 9,177 |
| Pada 31 Disember 2007 | **17,740** | **3,716** | **21,456** |

**Anggaran ketidakpastian dan andaian-andaian utama**

Kumpulan menganggarkan nilai saksama hartanah pelaburannya berdasarkan pada andaian-andaian utama berikut:

- Perbandingan hartanah pelaburan Kumpulan dengan hartanah yang serupa yang ditawarkan untuk jualan dalam kawasan yang sama atau dalam lokasi yang sebanding;
- Pertanyaan dari penilai hartanah dan agen hartanah tentang keadaan pasaran dan trend pasaran yang berubah.

**Hak milik tanah**

Hak milik bagi bangunan pajakan jangka panjang berjumlah RM1,680,000 (2006 - RM1,680,000) menunggu pemberian hak milik kepada Kumpulan dari pihak berkuasa yang berkaitan.

Berikut adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan berhubung dengan pelaburan hartanah:

| Kumpulan | 2007 RM'000 |
|---|---|
| Pendapatan sewa | **386** |
| Perbelanjaan operasi secara langsung - Pelaburan hartanah yang menghasilkan pendapatan | **(220)** |

## 7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

| | Syarikat | |
|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Saham tidak disebut harga - pada kos | **13,333** | 13,333 |

## 7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (samb.)

Maklumat subsidiari-subsidiari adalah seperti berikut:

| Subsidiari-subsidiari | Aktiviti utama | Kepentingan pemilikan utama (%) 2007 | 2006 |
|---|---|---|---|
| Ken Grouting Sdn. Bhd. | Perkhidmatan kejuruteraan pakar, kontrak serah kunci, pembinaan kerja kejuruteraan awam | **100** | 100 |
| Ken Projects Sdn. Bhd. | Pegangan pelaburan | **100** | 100 |
| Ken Property Sdn. Bhd. | Pegangan dalam pelaburan hartanah dan pemaju perumahan | **100** | 100 |
| Support Capital Sdn. Bhd. | Pegangan pelaburan | **100** | 100 |
| **Subsidiari Support Capital Sdn. Bhd. adalah:** | | | |
| Kenly (HK) Ltd. † | Pembinaan dan kejuruteraan awam | **79.4** | 79.4 |
| **Subsidiari Ken Grouting Sdn. Bhd. adalah:** | | | |
| Ken-Chec Sdn. Bhd. | Tambakan tanah, kejuruteraan awam, korekan dan marin | **100** | 100 |
| **Subsidiari-subsidiari Ken Projects Sdn. Bhd. adalah:** | | | |
| Khidmat Tulin Sdn. Bhd. | Pegangan dalam pelaburan hartanah dan pemaju perumahan | **100** | 100 |
| T.B.S. Management Sdn. Bhd. | Perkhidmatan pengurusan hartanah | **100** | 100 |
| Ken Rimba Jaya Sdn. Bhd. | Pembangunan hartanah dan pegangan pelaburan | **100** | 100 |
| **Subsidiari-subsidiari Ken Property Sdn. Bhd. adalah:** | | | |
| Ken Link Sdn. Bhd. | Pembangunan hartanah dan pegangan pelaburan | **100** | 100 |
| Aunyang Holdings Sdn. Bhd. | Pegangan pelaburan | **100** | 100 |
| **Subsidiari Aunyang Holdings Sdn. Bhd. adalah:** | | | |
| Jewel Estate Sdn. Bhd. | Perkhidmatan pengurusan hartanah | **100** | 100 |
| **Subsidiari Kenly (HK) Ltd. adalah:** | | | |
| Kenly Engineering Ltd. † * | Pembinaan dan kejuruteraan awam | **-** | 100 |

† Diaudit oleh firma juruaudit lain

* Dijual pada bulan Oktober 2007

Kesemua subsidiari diperbadankan di Malaysia kecuali Kenly (HK) Ltd. dan Kenly Engineering Ltd. yang diperbadankan di Hong Kong.

## 8. PELABURAN LAIN - PADA KOS

| | Kumpulan 2007 RM'000 | Kumpulan 2006 RM'000 |
|---|---|---|
| Saham disebut harga di Malaysia | **120** | 120 |
| Tolak: Peruntukan bagi kesusutan dalam nilai | **(114)** | (114) |
| | **6** | 6 |
| Saham tidak disebut harga | **20** | 20 |
| | **26** | 26 |
| Nilai pasaran saham disebut harga di Malaysia | **23** | 12 |

## 9. MUHIBAH

| | Kumpulan 2007 RM'000 | Kumpulan 2006 RM'000 |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| Pada 1 Januari | **538** | 4,629 |
| Kesan menggunakan FRS 3 | **-** | (4,091) |
| Pada 31 Disember | **538** | 538 |
| **Pelunasan** | | |
| Pada 1 Januari | **-** | 4,091 |
| Kesan menggunakan FRS 3 | **-** | (4,091) |
| Pada 31 Disember | **-** | - |
| **Kerugian kemerosotan** | | |
| Pada 1 Januari | **-** | - |
| Kerugian kemerosotan bagi tahun | **355** | - |
| Pada 31 Disember | **355** | - |
| **Jumlah bawaan** | **183** | 538 |

**Caj kemerosotan**

Kerugian kemerosotan diiktiraf dalam perbelanjaan operasi lain-lain dalam penyata pendapatan.

## 10. CUKAI TERTUNDA

**Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda yang diiktiraf**

Jumlah ini, ditentukan selepas imbangan yang sewajarnya, seperti berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Aset cukai tertunda | **(2,531)** | (1,878) | **(153)** | (130) |
| Liabiliti cukai tertunda | **7,101** | 7,196 | **1,310** | 1,120 |

Liabiliti dan aset cukai tertunda diimbang seperti di atas apabila mendapat hak yang sah dan berkuatkuasa dari segi undang-undang untuk mengimbangkan aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan di mana cukai tertunda tersebut berkaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

Aset dan liabiliti cukai tertunda yang diiktiraf (sebelum pengimbangan) adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Hartanah, loji dan peralatan | | | | |
| - elaun modal | **74** | 87 | **-** | - |
| - penilaian semula | **630** | 700 | **-** | - |
| Kos pembangunan hartanah | **5,425** | 5,849 | **-** | - |
| Elaun modal tidak serap | **(6)** | (6) | **-** | - |
| Kerugian cukai belum digunakan | **(388)** | (361) | **-** | - |
| Peruntukan | **(225)** | (190) | **(153)** | (130) |
| Perbezaan sementara deduktibel | **(940)** | (761) | **1,310** | 1,120 |
| | **4,570** | 5,318 | **1,157** | 990 |

Dalam mengiktiraf aset cukai tertunda yang berkaitan dengan kerugian cukai terhutang yang belum digunakan dan peruntukan modal terhutang yang belum digunakan (termasuk perbezaan sementara deduktibel bagi hartanah, loji dan peralatan), para Pengarah membuat andaian bahawa tidak terdapat sebarang pertukaran ketara (lebih dari 50%) dalam pemegang saham sebelum aset ini digunakan. Sekiranya terdapat pertukaran ketara dalam pemegang saham, kerugian cukai terhutang yang belum digunakan dan peruntukan modal terhutang yang belum digunakan yang mencapai jumlah lebih kurang RM1,492,000 dan RM23,000 masing-masing, tidak akan diberikan kepada Kumpulan, yang mana akan menyebabkan peningkatan dalam liabiliti cukai tertunda iaitu RM394,000.

## 10. CUKAI TERTUNDA (samb.)

**Aset cukai tertunda tidak diiktiraf**

Aset cukai tertunda tidak diiktirafkan untuk perkara-perkara berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Perbezaan sementara deduktibel | **(177)** | (177) | **-** | - |
| Elaun modal tidak serap | **11** | 11 | **-** | - |
| Kerugian cukai belum digunakan | **19,501** | 18,119 | **-** | - |
| | **19,335** | 17,953 | **-** | - |
| @ 17.5% | **3,382** | 3,130 | **-** | - |
| @ 20% | **10** | 14 | **-** | - |
| | **3,392** | 3,144 | **-** | - |

Dalam tahun 2007, aset cukai tertunda tidak diiktiraf Kenly Engineering Ltd. yang terdiri dari kerugian cukai belum digunakan yang berjumlah RM2,566,000 tidak dibawa ke hadapan berikutan penjualan subsidiari dalam bulan Oktober 2007.

Perbezaan sementara deduktibel tidak ada had tempoh di bawah perundangan cukai semasa melainkan terdapat perubahan besar dalam pemegang saham (lebih dari 50%). Sekiranya terdapat perubahan besar dalam pemegang saham, kerugian cukai yang belum digunakan dan elaun modal yang belum digunakan yang bernilai RM19,501,000 dan RM11,000 tidak boleh digunakan oleh Kumpulan. Aset cukai tertunda belum diiktiraf berhubung dengan perkara ini kerana tiada kemungkinan keuntungan boleh cukai masa hadapan akan dihasilkan di mana Kumpulan boleh menggunakan faedah tersebut.

## 11. JUMLAH TERHUTANG DARI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

| | Syarikat | |
|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| **Bukan semasa** | | |
| - Bukan dagangan | **71,020** | - |
| **Semasa** | | |
| - Bukan dagangan | **18,789** | 81,551 |
| | **89,809** | 81,551 |

11.1 Jumlah belum diterima dari subsidiari-subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan boleh dibayar apabila diminta melainkan bahagian bukan semasa yang bernilai RM71,020,000 (2006 - tiada) yang tidak dijangka akan dibayar dalam masa 12 bulan akan datang.

11.2 Dimasukkan dalam bahagian semasa jumlah belum diterima dari subsidiari adalah dividen diterima dari subsidiari yang berjumlah RM3,540,000 (2006 - RM2,280,000).

### 12. KOS PEMBANGUNAN HARTANAH

| | Kumpulan 2007 RM'000 | Kumpulan 2006 RM'000 |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari | | |
| Tanah | **39,913** | 39,913 |
| Kos pembangunan | **70,785** | 38,161 |
| Kos terkumpul dicajkan ke penyata pendapatan | **(54,797)** | (23,704) |
| | **55,901** | 54,370 |
| Kos pembangunan dipindahkan dari hartanah pelaburan | **10,837** | - |
| Kos pembangunan sepanjang tahun | **38,090** | 32,624 |
| | **104,828** | 86,994 |
| Kos dicajkan ke penyata pendapatan | **(35,259)** | (31,093) |
| Kos dipindahkan ke inventori | **(4,735)** | - |
| | **64,834** | 55,901 |
| Pada 31 Disember | | |
| Tanah | **42,463** | 39,913 |
| Kos pembangunan | **65,646** | 70,785 |
| Kos terkumpul dicajkan ke penyata pendapatan | **(43,275)** | (54,797) |
| | **64,834** | 55,901 |

12.1 Tambahan kepada kos pembangunan sepanjang tahun ini termasuk kos pekerja berjumlah RM15,000 (2006 - RM106,000).

12.2 Anggaran ketidakpastian dan pertimbangan kritikal

Kumpulan menyediakan anggaran hasil dan kos bajet untuk projek pembinaan dan pembangunan hartanahnya berdasarkan pada andaian-andaian berikut:

- Hasil daripada projek pembangunan hartanah telah diunjurkan berdasarkan pada harga angaran jualan pasaran unit tersebut;

- Kos pembangunan hartanah telah diunjurkan berdasarkan pada kos pembinaan semasa dan kos-kos tersebut disemak secara berterusan.

Sebarang penyemakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf pada tempoh di mana anggaran itu disemak dan pada tempoh masa akan datang yang terlibat.

## 13. PENERIMAAN, DEPOSIT DAN PRABAYARAN

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| **Dagangan** | | | | |
| Penerimaan dagangan | 24,980 | 23,410 | - | - |
| Jumlah tertahan | 1,540 | 2,909 | - | - |
| | 26,520 | 26,319 | - | - |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu | (15,229) | (14,149) | - | - |
| | 11,291 | 12,170 | - | - |
| Kerja pembinaan dalam progres | 652 | 3,808 | - | - |
| Penerimaan bil progres | 5,164 | 4,799 | - | - |
| **Bukan dagangan** | | | | |
| Penerimaan, deposit dan prabayaran lain | 2,481 | 2,231 | 8 | 19 |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu | (26) | - | - | - |
| | 2,455 | 2,231 | 8 | 19 |
| | 19,562 | 23,008 | 8 | 19 |

13.1 Profil dedahan mata wang penerimaan dagangan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Ringgit Malaysia | 10,908 | 8,200 | - | - |
| Hong Kong Dollar | 15,612 | 18,119 | - | - |
| | 26,520 | 26,319 | - | - |

13.2 Dalam tahun 2006, hutang lapuk yang dihapuskira terhadap peruntukan bagi hutang ragu berjumlah RM1,088,000.

13.3 Pembinaan dalam progres

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Kos agregat dibelanja sehingga kini | 1,318 | 57,501 |
| Tambah/tolak: Keuntungan/(kerugian) boleh diagih | 312 | (6,551) |
| | 1,630 | 50,950 |
| Tolak: Bil progres | (978) | (47,142) |
| | 652 | 3,808 |
| Tambahan pada kos agregat dibelanja sepanjang tahun termasuk: | | |
| Kos pekerja | 1,381 | 3,268 |
| Sewaan loji dan jentera | 1,119 | 1,135 |

## 13. PENERIMAAN, DEPOSIT DAN PRABAYARAN (samb.)

13.4 Anggaran ketidakpastian dan pertimbangan kritikal

Kumpulan menyediakan anggaran hasil dan kos bajet untuk projek pembinaan dan pembangunan hartanahnya berdasarkan pada andaian-andaian berikut:

- Hasil daripada kontrak pembinaan telah diunjurkan berdasarkan jumlah kontrak dan sebarang variasi hanya akan diiktiraf apabila ada kemungkinan terdapat kelulusan daripada pelanggan apabila jumlah hasil boleh diukur dengan pasti;

- Kos pembinaan telah diunjurkan berdasarkan pada kos bahan, buruh dan sewaan jentera semasa dan kos-kos tersebut disemak secara berterusan.

Sebarang penyemakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf pada tempoh di mana anggaran itu disemak dan pada tempoh masa akan datang yang terlibat.

## 14. TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **2007 RM'000** | **2006 RM'000** | **2007 RM'000** | **2006 RM'000** |
| Baki tunai dan bank | **4,316** | 16,482 | **127** | 86 |
| Deposit di bank berlesen | **10,289** | 11,413 | **2,365** | 4,831 |
| | **14,605** | 27,895 | **2,492** | 4,917 |

Termasuk dalam baki tunai dan bank Kumpulan adalah RM1,318,000 (2006 - RM14,906,000) yang disimpan menurut Peraturan Pembangunan Perumahan (Akuan Pembangunan Perumahan) 1991. Deposit Kumpulan dan Syarikat dicagarkan kepada bank berlesen adalah RM901,000 (2006 - RM4,780,000) dan RM501,000 (2006 - RM4,379,000) untuk kemudahan overdraf bank dan jaminan bank yang diberikan kepada syarikat-syarikat subsidiari.

## 15. MODAL SAHAM

| | Bilangan saham | | Jumlah | |
|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan dan Syarikat** | **2007 '000** | **2006 '000** | **2007 RM'000** | **2006 RM'000** |
| Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham: | | | | |
| Dibenarkan | **300,000** | 300,000 | **300,000** | 300,000 |
| Diterbitkan dan dibayar penuh: | | | | |
| Pada 1 Januari | **90,285** | 90,285 | **90,285** | 90,285 |
| Diterbitkan untuk tunai | **5,575** | - | **5,575** | - |
| Diterbitkan pada 31 Disember | **95,860** | 90,285 | **95,860** | 90,285 |

Pemegang saham biasa layak menerima dividen seperti yang diumumkan dari masa ke semasa dan layak kepada satu undi setiap saham semasa menghadiri mesyuarat Syarikat.

Syarikat juga telah menerbitkan opsyen saham (sila lihat nota 20).

## 16. RIZAB

### 16.1 Rizab penilaian semula

Rizab penilaian semula mewakili lebihan yang timbul daripada penilaian semula tanah dan bangunan milik bebas Kumpulan dan prabayar pembayaran pajakan jangka panjang sebelum klasifikasi semula.

### 16.2 Rizab pertukaran

Rizab pertukaran mata wang terdiri daripada perbezaan semua mata wang asing yang timbul daripada penukaran penyata kewangan operasi asing.

### 16.3 Cukai kredit Seksyen 108

Tertakluk pada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai cukai kredit Seksyen 108 dan pendapatan dikecualikan cukai yang mencukupi untuk pembayaran rizab boleh agihnya pada 31 Disember 2007 jika dibayar sebagai dividen.

Bajet Malaysia 2008 memperkenalkan sistem cukai pendapatan syarikat satu tier yang berkuatkuasa dari tahun penilaian 2008. Oleh itu, cukai kredit Seksyen 108 pada 31 Disember 2007 akan diperolehi oleh Syarikat sehingga waktu kredit itu digunakan sepenuhnya atau apabila tempoh peralihan enam tahun berakhir pada 31 Disember 2013, yang mana lebih awal.

## 17. KEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM MINORITI

Ini terdiri daripada bahagian modal saham dan rizab pemegang saham minoriti pada subsidiari.

## 18. PINJAMAN

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | **2007 RM'000** | **2006 RM'000** |
| **Bukan semasa** | | |
| Pinjaman daripada pemegang saham minoriti | **184** | 197 |
| **Semasa** | | |
| Kredit pusingan - tidak bercagar | **-** | 3,523 |
| Overdraf bank - bercagar | **-** | 3,233 |
| | **-** | 6,756 |

**Terma dan jadual pembayaran balik hutang**

Dalam tahun 2006, kredit pusingan dikenakan faedah sebanyak 10.00% dan disokong oleh jaminan korporat yang dikeluarkan oleh Syarikat.

Dalam tahun 2006, overdraf bank dikenakan faedah sebanyak 9.70% dan dijamin dengan simpanan tetap Syarikat dalam bank berlesen.

Pinjaman daripada pemegang saham minoriti adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak perlu dibayar balik dalam tempoh 12 bulan yang berikutnya.

## 19. PEMBAYARAN DAN AKRUAN

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| **Dagangan** | | | | |
| Pembayaran dagangan | **14,377** | 18,807 | **-** | - |
| Bil progres | **4,290** | 2,489 | **-** | - |
| **Bukan dagangan** | | | | |
| Pembayaran dan akruan lain | **7,632** | 5,393 | **668** | 554 |
| Jumlah terhutang kepada Pengarah | **353** | 326 | **244** | 222 |
| | **26,652** | 27,015 | **912** | 776 |

19.1 Profil dedahan mata wang pembayaran dagangan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Ringgit Malaysia | **14,149** | 12,225 | **-** | - |
| Hong Kong Dollar | **228** | 6,582 | **-** | - |
| | **14,377** | 18,807 | **-** | - |

19.2 Termasuk dalam pembayaran dagangan Kumpulan adalah jumlah belum bayar tertahan yang berjumlah RM3,009,000 (2006 - RM3,678,000).

19.3 Jumlah terhutang kepada para Pengarah melambangkan akruan pembayaran Pengarah yuran di mana tidak dicagarkan, tanpa faedah dan pembayaran balik dibuat apabila diminta.

## 20. GANJARAN PEKERJA

**Pembayaran berdasarkan saham**

Pada 30 Jun 2000, pemegang saham telah meluluskan Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") yang membolehkan semua pekerja yang layak membeli saham Syarikat. Pada 4 Jun 2003, satu opsyen telah ditawarkan kepada pekerja. Bertepatan dengan ESOS, opsyen telah dilaksanakan pada harga tawaran RM1.00.

Seperti yang dibenarkan oleh peruntukan peralihan dalam FRS 2, prinsip pengiktirafan dan pengukuran dalam FRS 2 belum digunakan kerana ini diberikan sebelum tarikh berkuatkuasa FRS 2.

ESOS telah lupus pada 13 Ogos 2007 dan tiada pembayaran berdasarkan saham yang baru ditawarkan oleh Syarikat.

| | Syarikat | |
|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Tunggakan pada 1 Januari | **6,189** | 4,109 |
| Terbitan | **1,262** | 2,122 |
| Dilaksana | **(5,575)** | - |
| Lupus | **(1,876)** | (42) |
| Tunggakan pada 31 Disember | **-** | 6,189 |

## 20. GANJARAN PEKERJA (samb.)

**Pembayaran berdasarkan saham (samb.)**

Butiran opsyen saham yang dilaksanakan sepanjang tahun 2007 adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tarikh tamat tempoh | 13 Ogos 2007 |
| Harga laksana purata sesaham biasa (RM) | 1.00 |
| Perolehan agregat terbitan (RM'000) | 5,575 |
| Nilai saksama pada tarikh terbitan (RM'000) | 8,052 |

## 21. KEUNTUNGAN OPERASI

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| **Keuntungan operasi diperolehi selepas dicaj:** | | | | |
| Peruntukan untuk kesusutan dalam nilai bagi lain-lain pelaburan | **-** | 6 | **-** | - |
| Peruntukan untuk hutang ragu | **1,106** | 3,016 | **-** | - |
| Pelunasan untuk sewa pajakan prabayar | **44** | 44 | **-** | - |
| Ganjaran juruaudit | | | | |
| Juruaudit Syarikat (audit statutori) | | | | |
| - tahun semasa | **80** | 70 | **20** | 15 |
| - peruntukan terkurung dalam tahun sebelumnya | **6** | 1 | **3** | 1 |
| Juruaudit Syarikat (perkhimatan lain) | **6** | 6 | **6** | 6 |
| Juruaudit lain (audit statutori) | **7** | 34 | **-** | - |
| Susut nilai pelaburan hartanah | **89** | - | **-** | - |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | **716** | 1,018 | **-** | - |
| Kerugian kemerosotan muhibah | **355** | - | **-** | - |
| Perbelanjaan faedah untuk: | | | | |
| - Overdraf bank | **238** | 288 | **-** | - |
| - Pinjaman | **295** | 299 | **-** | - |
| Perbelanjaan pekerja (termasuk pekerja utama pengurusan): | | | | |
| - Sumbangan KWSP | **587** | 651 | **-** | - |
